

Sangkar sembelihan hidraulik mudah dan cepat tak perlu ramai tenaga kerja

BH 7/10/14 M574-

Oleh Hafizudin Mohd Safar
am@hmetro.com.my
Kangar

Buat julung kali, empat ekor lembu dikorbankan menggunakan peralatan sangkar sembelihan hidraulik hasil cetusan idea anak tempatan yang disifatkan lebih mudah sempena program ibadah korban di Masjid Ar-Raudhah, Sungai Batu Pahat, di sini, semalam.

Sangkar berkenaan yang melalui proses inovasi disumbangkan oleh Taman Teknologi Malaysia (TPM) dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) pada Mei lalu sebelum digunakan penduduk untuk aktiviti korban yang hanya mengambil masa 10 minit bagi menimbang dan menyembelih setiap ekor lembu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Batu Pahat Hamzan Hashim, 45, yang juga pencipta sangkar berkenaan berkata sebelum ini pihaknya menggunakan sangkar mudah alih untuk membaringkan lembu dan memer-



Korban 10 minit

FAKTA
Sangkar sembelihan hidraulik bernilai RM20,000

AJK Masjid Ar-Raudhah memasukkan lembu ke dalam sangkar sembelihan yang boleh dibaringkan dengan bantuan alat hidraulik, semalam.

lukan tenaga manusia yang ramai sebelum disembelih.

Menurutnya, apabila menggunakan sangkar sembelihan hidraulik bernilai RM20,000 berkenaan, proses sembelihan menjadi lebih mudah dan cepat sekaligus mengurangkan risiko kecederaan sama ada kepada manusia atau ternakan se-

lain dapat mengurangkan tekanan pada haiwan terbabit.

“Sebelum ini, kami mengalami masalah untuk menguruskan program ibadah korban kerana memerlukan masa antara 30 minit hingga satu jam selain memerlukan ramai tenaga kerja hanya untuk membaringkan seekor lembu sebelum disembelih tambahan pula jika lembu itu sukar dikawal.

“Bagaimanapun, penggunaan sangkar sembelihan hidraulik ini menyebabkan proses menjadi lebih mudah dan cepat apabila hanya mengambil masa kurang 10 minit untuk memasukkan seekor lembu sebelum dibaringkan lalu proses sembelihan dijalankan,” katanya.

Hamzan berkata demikian ketika ditemui sempena program ibadah korban an-

jurran Jawatankuasa Masjid Ar-Raudhah Sungai Batu Pahat, di sini.

Proses sembelihan itu dilakukan oleh Imam masjid terbabit iaitu Ustaz Amir Aziz dan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa masjid dan JKKK serta penduduk Kampung Sungai Batu Pahat.

Menurutnya, pihaknya turut menawarkan perkhidmatan menyembelih dan

melapah haiwan ternakan seperti lembu dan kambing kepada orang ramai yang berminat dengan bayaran serendah RM150 setiap ekor ternakan.

Katanya, pihaknya berharap sangkar sembelihan hidraulik itu dapat memberi kemudahan kepada mereka untuk melakukan penyembelihan haiwan pada masa depan.